



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 1, Issue 3, June 2016

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Pembentukan Kemahiran Kepimpinan Guru Pelatih Melalui Latihan Mengajar

Mohamad Izzuan Mohd Ishar¹, Mohd Khata Jabor¹

¹Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor

Correspondence: Mohamad Izzuan Mohd Ishar (izzuanishar1991@yahoo.com)

Abstrak

Kajian ini merupakan satu tinjauan bagi mengenal pasti pembentukan kemahiran kepimpinan melalui latihan mengajar. Kemahiran kepimpinan terdiri daripada tiga kemahiran asas iaitu kemahiran teknikal, kemahiran interpersonal dan kemahiran konseptual. Kajian ini juga turut mengkaji hubungan pembentukan kemahiran kepimpinan dengan kursus pengajian dan mengenal pasti perbezaan pembentukan kemahiran kepimpinan yang dilaksanakan di sekolah di kawasan luar bandar dan sekolah di kawasan bandar. Kajian ini dijalankan melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Manakala, populasi yang terlibat ialah pelajar dari Fakulti Pendidikan, UTM. Analisa dapatan kajian ini menggunakan SPSS 17.0 secara deskriptif dan inferensi. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pembentukan kemahiran kepimpinan melalui latihan mengajar adalah tinggi iaitu 85.4%. Bagi hasil statistik inferensi pula menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan terhadap pembentukan kemahiran kepimpinan melalui latihan mengajar dan tidak terdapat sebarang perbezaan yang signifikan terhadap hubungan antara pembentukan kemahiran kepimpinan pelajar melalui latihan mengajar dengan lokasi di sekolah bandar dan di sekolah luar bandar. Kesimpulannya, semua elemen kemahiran kepimpinan mampu dibentuk melalui latihan mengajar dan ditambahbaik dari semasa ke semasa.

Kata kunci: Kemahiran kepimpinan, guru pelatih, latihan mengajar

Developing Leadership Skills of Teacher Trainer through Teaching Practice

Abstract

This study is a survey to identify the formation of leadership skills through teaching practice. Leadership skills consist of three basic skills of technical skills, interpersonal skills and conceptual skills. The study also examined the relationship between the formations of leadership skills with the course of study and identifies the differences in formation of leadership skills during teaching practice conducted in rural schools and urban schools. The study was conducted through survey method by using questionnaires. Meanwhile, the population involved were students of Faculty of Education, UTM. Analysis of the findings of this study is using SPSS 17.0 by descriptive and inferential. The results of this study show that the formation of leadership skills through teaching practice is high at 85.4%. For inferential statistical results showed there was no significant relationship to formation of leadership skills with the course of study and there was no significant difference in relationship

between the formation of leadership skills through teaching practice conducted in rural schools and urban schools. In conclusion, all the elements of leadership skills can be formed and developed through teaching practice and will be improved from time to time. Meanwhile, there was no significant relationship to the formation of leadership skills through teaching practice with the course of study and with the different of teaching practice location.

Keywords: Leadership skills, training teacher, teaching practice

Pengenalan

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara, Kementerian Pelajaran Malaysia (2006) yang kini dikenali sebagai Kementerian Pendidikan Malaysia menyatakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran perlu difokuskan kepada pencapaian empat hasil pembelajaran utama iaitu kognitif (kemahiran pengetahuan), psikomotor (kemahiran fizikal), afektif dan sosial. Walau bagaimanapun, menerusi Laporan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UTHM yang dipetik dari Ahmad dan Mohamad Zaid (2010) menyatakan sistem pendidikan yang sedia ada hanya boleh dianggap berjaya dalam menyampaikan kemahiran pengetahuan dan kemahiran fizikal. Ini mengakibatkan pembentukan pengetahuan dari segi afektif dan sosial pelajar terbantut. Hal ini mengganggu dalam pembangunan Kemahiran Insaniah (KI) pelajar yang menyumbang kepada pembentukan modal insan dalam menghasilkan masyarakat yang berketrampilan serta berdaya saing. Dari kajian yang dilakukan oleh Noraishah (2013) menyatakan pengetahuan sosial dan afektif merupakan antara pengetahuan yang terkandung di dalam senarai KI yang juga turut melibatkan kemahiran kepimpinan. Menurut beliau, kepimpinan boleh dipertingkatkan dari semasa ke semasa bergantung kepada kemahiran kerjasama yang ditekankan dalam sesebuah organisasi. Kepimpinan adalah satu proses mempengaruhi tingkah laku orang lain untuk menggalakkan mereka berusaha ke arah pencapaian sesuatu matlamat yang ditetapkan (PPK, 2001). Manakala, Pardey (2007) menyatakan kepimpinan adalah sesuatu yang dilihat atau dialami secara peribadi yang teretus dari hubungan antara pemimpin dan pengikut.

Guru harus sedar dan mengambil kira pada perubahan dan pembaharuan sains dan teknologi yang terus berkembang sejajar dengan tuntutan zaman masyarakat dan pembangunan (Abu Bakar, 2004). Guru memerlukan kualiti kepimpinan yang tinggi dan berkesan seperti kematangan, keikhlasan, kejujuran, keyakinan diri dan lain-lain kerana mereka bertanggungjawab dalam mengasuh generasi muda dan melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan supaya terjamin perkembangan personaliti pelajar daripada aspek fizikal, mental, sosial, estetika dan moral (Kamarudin, 1989a). Yukl (2006, p.181) menyatakan terdapat tiga jenis kemahiran kepimpinan yang harus dikuasai oleh seorang pemimpin iaitu kemahiran teknikal, kemahiran interpersonal dan kemahiran konseptual. Selain itu, Zolkifli dan Lokman (2007) menyatakan kepimpinan amat penting dalam kemahiran mengajar bagi guru pelatih dalam mengelakkan konflik dan meningkatkan keberkesanan pengajaran semasa tempoh sesi latihan mengajar dijalankan. Mereka turut menambah, kepimpinan yang dilakukan harus mengikut situasi di dalam kelas. Namun, terdapat beberapa laporan menyatakan guru-guru pelatih masih lagi tidak mencapai tahap seperti yang diharapkan dalam latihan mengajar mereka (Zakaria et. al., 2001 dan Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005). Adakah kegagalan untuk mencapai standard dalam latihan mengajar adalah disebabkan oleh pelajar tidak didedahkan dengan pengetahuan afektif dan sosial dalam sistem pendidikan sedia ada?

Pembentukan pengetahuan afektif dan sosial pelajar melibatkan peningkatan tahap Kemahiran Insaniah (KI). Salah satu komponen kemahiran yang terkandung di dalam KI ialah kemahiran kepimpinan yang berfungsi sebagai satu pelengkap dalam memenuhi keperluan pekerjaan. Kajian telah memperlihatkan latihan mengajar yang dijalankan kepada guru pelatih masih gagal mencapai standard yang diinginkan oleh Kementerian Pendidikan. Ini telah menimbulkan persoalan kepada penyelidik tentang tahap kemahiran kepimpinan guru pelatih di dalam kelas. Hal ini kerana, kelas dianggap satu organisasi yang melibatkan hubungan pemimpin (guru) dan pengikut (pelajar). Kemahiran kepimpinan perlu ada dalam setiap organisasi dalam mencapai matlamat dan objektif mereka. Kemahiran kepimpinan para guru pelatih harus dikaji bagi melihat sejauh mana kemahiran ini

dipengaruhi oleh program latihan mengajar. Sehubungan itu, pengkaji ingin menjalankan kajian terhadap tahap kemahiran kepimpinan melalui latihan mengajar. Kajian ini diharapkan dapat memberi beberapa jalan penyelesaian kepada pelajar supaya dapat menambahbaik dan memperbaiki kemahiran kepimpinan mereka sebelum menjadi guru sebenar. Hipotesis untuk kajian ini ialah: (1) hubungan pembentukan kemahiran kepimpinan pelajar dalam melalui latihan mengajar dengan kursus pengajian (H_{01} - H_{04}) dan (2) Hubungan pembentukan kemahiran kepimpinan pelajar melalui latihan mengajar dengan lokasi di sekolah bandar dan di sekolah luar Bandar (H_{05} - H_{08}):

- H_{01} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pembentukan kemahiran teknikal pelajar melalui latihan mengajar dengan kursus pengajian
- H_{02} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pembentukan kemahiran interpersonal pelajar melalui latihan mengajar dengan kursus pengajian
- H_{03} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pembentukan kemahiran konseptual pelajar melalui latihan mengajar dengan kursus pengajian
- H_{04} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara semua elemen pembentukan kemahiran kepimpinan pelajar melalui latihan mengajar dengan kursus pengajian
- H_{05} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pembentukan kemahiran teknikal pelajar melalui latihan mengajar dengan lokasi di sekolah bandar dan di sekolah luar bandar
- H_{06} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pembentukan kemahiran interpersonal pelajar melalui latihan mengajar dengan lokasi di sekolah bandar dan di sekolah luar bandar
- H_{07} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pembentukan kemahiran konseptual pelajar melalui latihan mengajar dengan lokasi di sekolah bandar dan di sekolah luar Bandar.
- H_{08} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara semua elemen pembentukan kemahiran kepimpinan pelajar melalui latihan mengajar dengan lokasi di sekolah Bandar dan di sekolah luar Bandar

Kajian Literatur

Kepimpinan di sekolah dapat menjadi penyokong kepada perubahan yang memberi penambahbaikan dalam mengekalkan kecemerlangan sesuatu sekolah. Oleh yang demikian, peranan warga sekolah amat penting dalam merealisasikan hasrat ini. Hal ini menyebabkan guru pelatih yang turut menjadi salah satu pihak dalam warga sekolah turut terlibat sebagai pemimpin di sekolah khususnya di dalam kelas. Kemahiran kepimpinan guru merupakan satu keperluan bagi melihat sejauh mana peranan mereka dalam melakukan tanggungjawab yang diamanahkan (Leblanc dan Shelton, 2012). Pelbagai definisi kepimpinan guru telah dikongsi oleh penyelidik-penyelidik antarabangsa melalui kajian yang dilakukan oleh mereka. Antaranya, Pellicer dan Anderson (1995) yang mendefinisikan kepimpinan guru sebagai kebolehan mereka untuk melibatkan para guru lain dalam melakukan eksperimentasi bagi suatu amalan pengajaran mereka yang lebih bermutu yang melibatkan perkhidmatan pembelajaran pelajar. Selain itu, guru atau pendidik merupakan golongan yang banyak memainkan peranan dalam melaksanakan kurikulum dan pendidikan sahsiah diri pelajar. Menurut Yahya (2005) adalah satu kemestian kepada guru untuk memiliki kemahiran yang tinggi dalam kaedah pengajaran, menguasai kandungan ilmu dalam setiap subjek yang diajar, mahir dalam pengaplikasian teori serta berupaya untuk menjadi kaunselor yang terbaik bagi pelajar.

a) Kemahiran Kepimpinan

Perkataan “kemahiran” merujuk kepada keupayaan untuk melakukan sesuatu dengan cara yang berkesan. Ianya ditentukan bersama dengan tahap pembelajaran dan keturunan (Yukl, 2006). Kemahiran juga dapat didefinisikan melalui perbezaan abstrak yang dapat dilihat kemampuan yang luas yang ditakrifkan secara umum kepada sesuatu yang lebih khusus. Yukl (2006) menyatakan kemahiran teknikal merupakan pengetahuan tentang kaedah, proses, prosedur dan teknik untuk menjalankan aktiviti khusus dan memperlihatkan keupayaan untuk menggunakan alat- alat dan peralatan yang berkaitan dengan aktiviti. Dari sudut pendidikan, kemahiran teknikal boleh dirujuk

melalui penggunaan alat bantu mengajar, pemahaman tentang teknologi terkini, pengurusan dan pentadbiran, penggunaan pengaruh-kuasa dan lain-lain. Selain itu, kemahiran teknikal juga melibatkan proses dan prosedur kerana guru bukan sahaja akan bertindak sebagai pengajar malah juga bertindak sebagai tulang belakang kepada aktiviti-aktiviti di sekolah. Sebagai guru pelatih, mereka bukan sahaja menimba pengalaman mengajar sepanjang latihan mengajar, malah melibatkan diri dalam menganjurkan aktiviti di sekolah seperti hari sukan, hari kantin, minggu membaca dan lain-lain. Oleh itu, kemahiran mentadbir dan mengurus juga adalah penting dalam meningkatkan kemahiran teknikal iaitu salah satu cabang kemahiran kepimpinan.

Bagi kemahiran interpersonal pula melibatkan pengetahuan dalam tingkah laku manusia dan proses interpersonal, sikap dan motif manusia dari segi perlakuan dan tutur kata, keupayaan untuk berkomunikasi dengan jelas dan berkesan, mampu untuk membina hubungan yang berkesan serta mampu bekerjasama (Yukl, 2006). Dalam kemahiran ini, guru pelatih harus memastikan hubungannya dengan pihak lain adalah baik. Antara aktiviti yang terlibat ialah mengekalkan perpaduan dan menyediakan perkhidmatan penyayang. Menurut Yahya (2005), perpaduan adalah prasyarat yang membolehkan organisasi atau masyarakat memaksimumkan tenaga, usaha, fikiran dalam mencapai matlamat. Perkara yang akan difikirkan oleh guru pelatih ialah untuk mencapai matlamat dan objektif yang disenaraikan sepanjang latihan mengajar. Dalam usaha tersebut, guru pelatih perlu menggunakan teknik pengaruh-kuasa yang jelas dan berkesan dalam membentuk hubungan dalam mewujudkan perpaduan antara mereka dan pelajar di dalam kelas. Selain itu, guru pelatih turut memerlukan penekanan terhadap soal kebajikan dan keselesaan dalam kalangan warga pendidik yang lain.

Kemahiran konseptual pula menerangkan tentang kemampuan umum analitikal, pemikiran logik, kemahiran dalam pembentukan konsep tentang hubungan yang kabur dan kompleks, kreativiti dalam menjana idea dan penyelesaian masalah, kemahiran untuk menganalisa peristiwa dan melihat trend, menjangka perubahan serta menyedari peluang dan masalah yang berlaku (Yukl, 2006). Pemikiran yang logik dan pembentukan konsep adalah berpunca dari suatu yang cemerlang. Guru pelatih harus berusaha dalam mengaplikasikan budaya cemerlang yang berlandaskan amanah dan akauntabiliti. Sebagai seorang guru, guru pelatih perlu mempunyai sikap yang suka berusaha ke arah kecemerlangan dan harus memiliki kesabaran untuk terus menghasilkan kecemerlangan yang berterusan (Yahya, 2005). Yahya juga menyatakan dalam membentuk pemikiran yang kreatif bagi penjaan idea dan penyelesaian masalah, kemahiran konseptual juga membantu guru pelatih dalam mencorakkan pembudayaan ilmu. Ini adalah penting kerana ia mampu menjadikan cara hidup lebih berkesinambungan dalam kehidupan yang merangkumi agama, kemanusiaan dan sains untuk melahirkan generasi yang berkualiti. Selain itu, menguasai kemahiran dalam membudayakan ilmu ini juga turut membantu melahirkan pelajar yang berilmu dan berwawasan.

b) Kepimpinan Pengajaran

Kepimpinan pengajaran yang dipetik dari Laporan Awal PPPM boleh didefinisikan sebagai satu konsep yang mempunyai pendekatan kepimpinan yang menjurus kepada tingkah laku guru di dalam aktiviti-aktiviti yang dilakukan yang turut memberi kesan kepada perkembangan pelajar. Hal ini turut melibatkan pihak pentadbiran sekolah termasuk pemahaman tentang pengajaran, kurikulum, penilaian dan keupayaan mereka mempengaruhi budaya sekolah. Frost (2003) menyatakan guru mempunyai peranan yang penting dalam proses menambahbaik sekolah bukan sahaja tertumpu kepada konsep kepimpinan yang berkesan dalam melaksanakan dasar tetapi juga dalam aspek kemanusiaan yang perlu dipupuk pada semua individu. Manakala Harrison dan Killion (2007) pula menyatakan kepimpinan guru dapat membentuk budaya sekolah, meningkatkan pembelajaran pelajar dan mempengaruhi amalan dalam kalangan rakan sekerja. Norashikin et. al. (2013) menyatakan guru yang mempunyai pengurusan bilik darjah yang baik, memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dan memiliki kemahiran pedagogi yang kritis, mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pembelajaran pelajar-pelajar mereka yang membantu meningkatkan produktiviti pelajar melalui cara memberi kesedaran untuk memperkukuhkan amalan terbaik dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Norashikin et. al. (2013) turut menyimpulkan bahawa, kepimpinan guru merupakan satu proses keupayaan kepimpinan dalam kalangan guru yang diterjemah melalui amalan tingkah laku sama ada di

luar dan di dalam sekolah yang turut memberi manfaat kepada organisasi, pelajar, guru dan rakan sekerja demi mencapai matlamat sekolah. Kajian yang dijalankan oleh Snell dan Swanson (2000) menunjukkan bahawa guru akan menjadi pemimpin apabila mereka membina tenaga dalam kemahiran pedagogi dan kolaborasi bersama rakan sekerja. Kajian yang dijalankan oleh Cheang (2011) mendapati kepimpinan guru dalam kalangan responden berada pada tahap yang baik tetapi masih belum mencapai peringkat yang mantap. Responden yang terdiri dari semua lapisan guru mempunyai halatuju yang jelas dan berhasrat untuk menjadi seorang guru yang dinamik. Kepimpinan pengajaran guru mampu mengembangkan kemahiran untuk mempengaruhi orang lain dan akhir sekali mempunyai pelan tindakan dengan menggunakan kemahiran- kemahiran kepimpinan lain yang dipelajari dalam menambahbaik prestasi pelajar.

c) Permasalahan Kemahiran Guru Pelatih Dalam Latihan Mengajar

Dalam setiap komponen pengajaran yang dilakukan oleh guru pelatih, terdapat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian ketika menjalani program latihan mengajar iaitu persediaan pengajaran, penyampaian pengajaran, penilaian pengajaran dan personaliti pengajar (Kamaruddin, 1986). Setiap aspek ini perlu diambil perhatian, difikirkan, dirancang dan diteliti dengan baik supaya proses P&P berjalan dengan lancar, berkesan dan mencapai objektif yang telah dirancang. Dalam persediaan pengajaran, Kamaruddin menyatakan ramai pelatih kurang faham dan tidak tahu antara objektif am dan objektif khusus yang menyukarkan objektif diukur dan dinilai. Guru pelatih juga turut mempunyai kelemahan dalam penyampaian pengajaran di mana guru pelatih gagal memberikan contoh yang berkaitan dengan pengajaran dan hanya mengajar dalam bentuk syarahan. Manakala dalam penilaian pengajaran, guru pelatih kerap memberikan tugas yang banyak dan mempunyai bentuk soalan yang serupa. Ini akan memberi kesan kepada pelajar dalam perkembangan pemikiran kreatif dan kritis. Aspek yang terakhir ialah personaliti pengajar di mana penyampaian suara guru pelatih kurang jelas untuk didengari serta mempunyai dialek atau loghat yang berbeza dari bahasa standard. Kajian juga menunjukkan kelemahan guru pelatih dalam merancang aktiviti pendidikan pelajar. Perkara ini turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Abu Zahari et. al. (1988) tentang kelemahan yang berlaku dalam kalangan guru pelatih Universiti Teknologi Malaysia.

Permasalahan yang diketengahkan oleh Abu Zahari et. al. adalah guru pelatih kurang kreatif dalam mempelbagaikan pendekatan pengajaran mereka. Guru pelatih memperlihatkan kelemahan dalam menggunakan alat bantu mengajar yang disediakan terutama dalam pengajaran psikomotor, guru pelatih tidak memahami fungsi soalan lisan dalam pengajaran dan tidak menguasai isi pelajaran. Kegagalan dalam seorang guru dalam menyampaikan ilmu dengan betul memperlihatkan kelemahannya dalam menjadi seorang pendidik yang unggul (Abu Zahari et. al., 1988). Kajian yang dilakukan oleh Kamarudin Hj. Kachar (1989b) ini menyatakan aktiviti pendidikan penting dalam memfokuskan kepada perkembangan personaliti pelajar secara seimbang dan menyeluruh. Perkembangan personaliti boleh dibentuk sekiranya proses pengajaran dan pembelajaran dapat melibatkan interaksi antara guru dan pelajar (Aziz et. al., 1988). Menurut Aziz et. al., interaksi adalah penting dalam memperlihatkan keberkesanan aktiviti di dalam kelas yang memberikan keyakinan kepada pelajar untuk terus berkreaitif dan belajar. Hasil kajian yang terkini mengenai permasalahan guru pelatih ini turut disokong oleh Rohaza (2010) yang menyatakan bahawa guru pelatih menghadapi masalah dalam proses P&P yang melibatkan kesukaran dalam memahami sukatan dan huraian pelajaran yang diajar, sukar merancang kaedah pengajaran yang sesuai mengikut objektif pengajaran dan tidak dapat menentukan aktiviti yang sesuai dengan tahap pengetahuan pelajar. Rohaza juga mengesakan masalah guru pelatih dalam menyediakan alat bantu mengajar yang disebabkan oleh kurang kemudahan yang disediakan dan juga menghadapi masalah melibatkan hubungan antara pelajar, guru dan ibu bapa.

Secara keseluruhan, permasalahan yang sering timbul dalam kalangan guru pelatih semasa latihan mengajar akan memberi kesan kepada kemahiran kepimpinan mereka. Seperti yang dinyatakan oleh Mahmood dan Sabitha (1995), kelas merupakan salah satu organisasi kecil yang mempunyai pemimpin iaitu guru dan pengikut iaitu pelajar. Kegagalan guru pelatih dalam melaksanakan tugas akan menyebabkan sesi pembelajaran dan pengajaran kurang berkesan. Antara permasalahan yang berlaku iaitu kurang interaksi antara dan pelajar boleh dikaitkan dengan kemahiran komunikasi dan

hubungan guru pelatih yang lemah iaitu salah satu item di bawah kemahiran interpersonal dalam kemahiran kepimpinan

Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif yang terhasil dari pembacaan sumber ilmiah seperti e-jurnal, artikel, dokumen, buku dan persidangan sebelum ini yang telah dinilai dan dimuat turun dari enjin carian internet. Beberapa data sekunder berkaitan juga diperolehi daripada perpustakaan universiti, Perpustakaan Sultanah Zanariah dan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Universiti Teknologi Malaysia dan enjin carian perpustakaan yang beralamat <http://ent.library.utm.my/client/main>. Dalam kajian ini, populasi yang terlibat ialah pelajar yang telah mengikuti kursus latihan mengajar dari Fakulti Pendidikan di UTM di bawah Jabatan Teknikal dan Kejuruteraan. Terdapat empat kursus pengajian yang terlibat yang melibatkan seramai 80 orang pelajar. Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih penggunaan borang soal selidik dalam mendapatkan maklumat kajian. Analisa dapatan maklumat yang telah dikumpulkan menggunakan aplikasi *Statistical Package For Social Sciences 17.0* (SPSS 17.0).

Analisa Kajian

Terdapat 22 orang responden iaitu 27.5 peratus daripada jumlah keseluruhan responden adalah pelajar kursus Sarjana Muda Teknologi dengan Pendidikan (Kejuruteraan Mekanikal) (SPPJ) yang merupakan bilangan responden tertinggi bagi kajian ini dengan 9 orang responden menjalani latihan mengajar di luar bandar manakala 13 orang responden menjalani latihan mengajar di kawasan Bandar seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 4.1**. Selain itu, terdapat dua kursus yang mempunyai bilangan yang rendah iaitu seramai 19 orang responden. Bagi kursus Sarjana Muda Teknologi dengan Pendidikan (Elektrik dan Elektronik) (SPPR), terdapat 4 orang responden menjalani latihan mengajar di luar bandar dan seramai 15 orang responden menjalani latihan mengajar di kawasan bandar. Manakala, bagi kursus Sarjana Muda Teknologi dengan Pendidikan (Binaan Bangunan) (SPPQ), terdapat 6 orang pelajar menjalani latihan mengajar di kawasan luar bandar dan baki 13 orang pelajar telah menjalani latihan mengajar di kawasan bandar. Jumlah keseluruhan pelajar yang mengambil bahagian di dalam kajian ini ialah 80 orang.

Jadual 4.1 Taburan Responden

Pengajian	Lokasi LM Kursus	Luar Bandar	Bandar	Peratusan (%)
SPPJ		9	13	27.5
SPPR		4	15	23.75
SPPQ		6	13	23.75
SPPH		7	13	25.0
Jumlah		26	54	100.0

Dapatan dari hasil perbincangan tentang semua kemahiran kepimpinan yang terlibat diperjelaskan dengan perbandingan peratus dan purata seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual 4.2**. Melihat pada kemahiran teknikal, kemahiran ini menunjukkan purata peratusan setuju tertinggi iaitu 87.5%. Manakala merujuk kepada kemahiran konseptual menunjukkan peratus peratusan tidak pasti tertinggi iaitu 15.9%. Kemahiran Interpersonal pula menunjukkan purata peratusan terendah dengan 1.6%. Merujuk kepada skor purata, semua nilai purata bagi setiap elemen kemahiran kepimpinan pelajar ditunjukkan pada tahap purata yang tinggi iaitu antara 3.67 sehingga 5.00. Nilai purata tertinggi ialah 4.0575 iaitu bagi kemahiran teknikal. Ini diikuti dengan kemahiran interpersonal iaitu dengan nilai purata 4.0083. Manakala nilai purata terendah ialah 3.9575 bagi kemahiran konseptual. Purata keseluruhan untuk kajian ini ialah 4.0078 iaitu di aras purata yang

tinggi. **Jadual 4.3** pula menunjukkan hasil ujian korelasi bagi melihat hubungan yang signifikan antara pembentukan semua kemahiran kepimpinan pelajar melalui latihan mengajar dengan kursus pengajian

Jadual 4.2 Kemahiran Kepimpinan Pelajar Dalam Latihan Mengajar

PERNYATAAN	KEKERAPAN DAN PERATUSAN			Purata	Std. Dev.
	TS	TP	S		
	Bil. %	Bil. %	Bil. %		
Kemahiran Teknikal	1 1.8	9 10.7	70 87.5	4.0575	0.6001
Kemahiran Interpersonal	1 1.6	11 14.0	68 84.4	4.0083	0.6063
Kemahiran Konseptual	0 0	12 15.9	68 84.1	3.9575	0.5326
PURATA KESELURUHAN	1 1.1	11 13.5	68 85.4	4.0078	0.5797

Jadual 4.3 Hubungan antara Pembentukan Semua Elemen Kemahiran Kepimpinan Pelajar Melalui Latihan Mengajar dengan Kursus Pengajian

Korelasi	Kemahiran Kepimpinan	
Kursus Pengajian	Korelasi Pearson	- 0.1180
	Sig. (2-tailed)	0.3548
	N	80

Berdasarkan kepada **Jadual 4.3**, nilai korelasi bagi semua elemen kemahiran kepimpinan ialah - 0.1180. Ini menunjukkan bahawa hubungan pembentukan semua elemen kemahiran kepimpinan pelajar melalui latihan mengajar dengan kursus pengajian adalah sangat lemah. Manakala $p=0.3548 > \alpha=0.05$. Oleh itu, hipotesis nol (H_{04}) gagal ditolak dan memperlihatkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pembentukan semua elemen kemahiran kepimpinan pelajar melalui latihan mengajar dengan kursus pengajian. Berdasarkan kepada **Jadual 4.4**, hasil dapatan kajian mendapati keputusan ujian-t bagi tahap kemahiran semua elemen dalam pembentukan kemahiran kepimpinan ialah $p=0.5106 > \alpha=0.05$. Oleh itu, hipotesis nol (H_{08}) gagal ditolak dan menunjukkan tidak terdapat sebarang perbezaan yang signifikan terhadap hubungan antara pembentukan semua elemen kemahiran kepimpinan pelajar melalui latihan mengajar dengan lokasi di sekolah bandar dan di sekolah luar bandar.

Jadual 4.4 Hubungan antara Pembentukan Semua Elemen Kemahiran Kepimpinan Pelajar Melalui Latihan Mengajar dengan Lokasi di Sekolah Bandar dan di Sekolah Luar Bandar

	Kawasan	N	Purata	Std. Dev.	df	t	Sig. (2-tailed)
Purata Minat varians dianggap sama	Bandar	54	3.9967	0.5350	78	0.2345	0.5106
	Luar Bandar	26	4.0307	0.6607			

Perbincangan

Hasil dapatan kajian menunjukkan peratus kemahiran teknikal pelajar melalui latihan mengajar adalah tertinggi iaitu 87.5%. Selain itu, nilai purata yang diterima turut berada pada tahap tinggi iaitu 4.0575 berbanding dengan elemen kemahiran-kemahiran kepimpinan yang lain. Kemahiran teknikal dari sudut pendidikan meliputi pengetahuan tentang pelbagai kaedah, proses, prosedur dan teknik dalam menjalankan aktiviti khusus di sekolah dan melihat penguasaan individu terhadap penggunaan alat- alat yang berkaitan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pengaruh yang menyumbang kepada penguasaan guru pelatih dalam kemahiran teknikal adalah proses penilaian yang dilakukan oleh pensyarah pembimbing dan guru pembimbing bagi satu tempoh masa yang telah ditetapkan. Antara komponen yang terlibat di dalam penilaian guru pelatih adalah tahap kesediaan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan kelas. Amalan ini mampu menilai dan melihat tahap kemahiran teknikal guru pelatih dalam menguasai segala proses, peringkat dan kemahiran tertentu yang diperlukan bagi melakukan sesuatu tugas.

Cohen (1989) menyatakan antara komponen persediaan yang diperlukan guru pelatih ialah membentuk tujuan dan objektif pengajaran dengan penyelesaian, memilih kandungan pelajaran yang tepat dan memilih kaedah penyampaian dan penulisan yang baik. Cohen turut menambah, pengurusan kelas adalah berdasarkan pengamalan pengajaran yang bersesuaian dengan suasana kelas dan sekolah. Penumpuan guru pelatih terhadap beberapa isu tentang tempat latihan mengajar mereka seperti kepelbagaian budaya dan perkembangan kurikulum turut mempengaruhi penguasaan kemahiran teknikal mereka. Selain melibatkan proses dan kaedah dalam pengukuhan kemahiran teknikal guru pelatih, penggunaan alat bantu mengajar turut mempengaruhi tahap kemahiran teknikal mereka. Kamaruddin (1986) menyatakan penggunaan alat bantu mengajar dapat merangsang minat yang tinggi dalam diri pelajar, dapat menyediakan satu dasar yang kukuh untuk memperkembangkan kefahaman dan corak pemikiran pelajar untuk memahami isi kandungan pelajaran. Menurut beliau, setaip aspek di dalam latihan mengajar perlu diambil perhatian supaya proses pengajaran dan pembelajaran akan berjalan dengan lancar, berkesan dan mencapai objektif yang dirancang. Umumnya, kemahiran teknikal antara kemahiran yang penting dalam penilaian proses latihan mengajar sekali gus telah mendorong guru pelatih untuk meningkatkan tahap kemahiran teknikal dari segi kesediaan guru pelatih semasa sesi pengajaran dan pembelajaran serta penguasaan mereka terhadap penggunaan alat bantu mengajar. Secara tidak langsung, pembentukan kemahiran teknikal ini telah menyumbang kepada pembentukan kemahiran kepimpinan.

Hasil dapatan kajian menunjukkan peratus kemahiran interpersonal pelajar melalui latihan mengajar ialah 84.4%. Manakala, nilai purata yang terhasil ialah 4.0083 dan berada pada tahap nilai purata yang tinggi. Kemahiran interpersonal bagi seseorang guru adalah amat penting dalam menjalankan hubungan yang baik dengan pihak lain bagi memudahkan kerjasama yang dilakukan dan menghasilkan komunikasi yang lebih jelas serta berkesan antara satu sama lain. Antara elemen kemahiran interpersonal yang terlibat ialah mengekalkan perpaduan dan menyediakan khidmat penyayang. Hasil dari pembacaan, penyelidik mendapati penguasaan guru pelatih dalam pembentukan kemahiran teknikal turut mempengaruhi pembentukan kemahiran interpersonal di mana, Kamaruddin (1986) menyatakan kemahiran interpersonal guru melibatkan beberapa amalan yang perlu diamalkan iaitu penyediaan, interaksi dan alat bantu mengajar, yang meletakkan kemahiran interpersonal adalah kedua tinggi selepas kemahiran teknikal. Apabila guru pelatih mampu menambahbaik proses dan kaedah penyediaan dan penggunaan alat bantu mengajar, sekali gus turut memberi kesan terhadap kemahiran interpersonal. Kaedah penyediaan mampu menjaga dan menghasilkan hubungan yang baik antara guru dan pelajar. Penggunaan teknik penyediaan yang betul mampu menggalakkan pemikiran pelajar untuk lebih berminat dan bermotivasi di dalam kelas tanpa unsur paksaan. Ini juga akan menghasilkan interaksi yang baik semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan kajian lepas terhadap kemahiran interpersonal guru pelatih, Kamarudin (1989b) menyatakan aktiviti pendidikan yang baik mampu memperkembangkan persoaliti pelajar yang lebih seimbang dan menyeluruh. Ini memperlihatkan bahawa tahap kemahiran interpersonal guru

bukan sahaja memberi kesan positif kepada guru pelatih sendiri malah mempengaruhi pihak yang berada di sekeliling mereka. Kajian yang dilakukan Aziz et. al. (1988) pula menyatakan interaksi adalah penting dalam memperlihatkan keberkesanan aktiviti di dalam kelas dan memberikan keyakinan kepada pelajar untuk terus berkreaitif dan belajar. Hasil kajian ini telah disokong dengan elemen kemahiran interpersonal yang menyentuh kemampuan guru tentang kebolehan berkomunikasi semasa menjalani latihan mengajar. Peratusan setuju yang tinggi menunjukkan bahawa guru pelatih mampu berkomunikasi dengan baik sepanjang tempoh latihan mengajar dan seterusnya berjaya membentuk kemahiran kepimpinan yang diperlukan.

Hasil dapatan kajian menunjukkan peratusan kemahiran konseptual pelajar melalui latihan mengajar ialah 84.1% meletakkan kemahiran ini sebaris dengan kemahiran interpersonal. Manakala nilai purata yang terhasil juga pada tahap yang tinggi iaitu 3.9575. Kemahiran konseptual memperlihatkan kemampuan guru pelatih terhadap pemikiran analitikal, pemikiran logik, membentuk konsep, kreativiti dan menyelesaikan masalah. Kemahiran konseptual membantu guru pelatih dalam mencorakkan pembudayaan ilmu terhadap pelajar. Berdasarkan kajian yang dilakukan penyelidik mendapati, guru pelatih telah bersedia dengan pemikiran yang kreatif dalam penjaanaan idea untuk pelajar dan menyelesaikan masalah sepanjang tempoh pengajaran dan pelajaran sesmasa sesi latihan mengajar. Proses yang terlibat dalam pembentukan kemahiran ini antaranya menyediakan objektif- objektif pembelajaran sebelum memulakan kelas, membuat perancangan aktiviti kelas dan mampu menggariskan matlamat pelajaran. Proses-proses pengukuhan kemahiran konseptual guru ini sekali gus mempengaruhi pembentukan pemikiran pelajar yang kreatif dan logik dalam aktiviti pembelajaran mereka dan mampu menyelesaikan masalah. Kajian Zahari et. al. (1988) menyatakan guru pelatih kurang kreatif dalam mempelbagaikan pendekatan pengajian mereka adalah meleset sama sekali. Kajian penyelidik mendapati guru pelatih mempunyai pemikiran yang kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, guru pelatih didapati turut membantu pelajar dalam membentuk pemikiran yang kreatif dan logik dalam kalangan pelajar.

Bagi melihat signifikan hubungan antara pembentukan kemahiran teknikal pelajar melalui latihan mengajar dengan kursus pengajian, hipotesis nol (H_{01}) telah dibentuk. Analisa statistik menunjukkan nilai korelasi ialah -0.1599. ini menunjukkan bahawa perhubungan antara pembentukan kemahiran teknikal pelajar melalui latihan mengajar dengan kursus pengajian adalah sangat lemah. Sementara itu, $p=0.3271 > \alpha=0.05$. Ini menunjukkan hipotesis nol (H_{01}) gagal ditolak dan menunjukkan bahawa tidak ada hubungan yang signifikan antara pembentukan kemahiran teknikal pelajar melalui latihan mengajar dengan kursus pengajian. Yulk (2006) mendefinisikan kemahiran teknikal sebagai pengetahuan tentang kaedah, proses, prosedur dan teknik untuk menjalankan aktiviti khusus dan memperlihatkan keupayaan untuk menggunakan alat-alat dan peralatan yang berkaitan dengan aktiviti. Menurut Norashikin et. al. (2013), guru yang mempunyai pengurusan bilik darjah yang baik, memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dan memiliki pedagogi yang kreatif mampu memberi pengaruh yang kuat terhadap pembelajaran pelajar- pelajar mereka. Hal ini telah menyokong kajian dari Snell dan Swanson (2000) yang menunjukkan bahawa guru akan menjadi pemimpin apabila mereka membina tenaga dalam kemahiran pedagogi dan kolaborasi bersama rakan sekerja.

Bagi melihat signifikan hubungan antara pembentukan kemahiran interpersonal pelajar melalui latihan mengajar dengan kursus pengajian, hipotesis nol (H_{02}) telah dibentuk. Analisa statistik menunjukkan nilai korelasi ialah -0.1691. ini menunjukkan bahawa perhubungan antara pembentukan kemahiran interpersonal pelajar melalui latihan mengajar dengan kursus pengajian adalah sangat lemah. Sementara nilai signifikan $p=0.2113 > \alpha=0.05$ menunjukkan hipotesis nol (H_{02}) gagal ditolak dan menunjukkan bahawa tidak ada hubungan yang signifikan antara pembentukan kemahiran interpersonal pelajar melalui latihan mengajar dengan kursus pengajian. Norashikin et. al. (2013) menyatakan bahawa kualiti pengajaran merupakan medium yang berkesan untuk meningkatkan produktiviti pelajar dengan cara memberi kesedaran kepada pelajar untuk mengukuhkan amalan pengajaran dan pembelajaran yang terbaik. Hal ini boleh dikaitkan dengan kemahiran interpersonal yang diperlukan dalam kepimpinan guru pelatih. Kemahiran interpersonal merujuk kepada pengetahuan dalam tingkah laku manusia dan proses interpersonal, sikap dan motif

manusia dari segi perlakuan dan tutur kata, keupayaan untuk berkomunikasi dengan jelas dan berkesan, mampu untuk membina hubungan yang berkesan serta mampu bekerjasama (Yukl, 2006).

Manakala untuk melihat signifikan hubungan antara pembentuk kemahiran konseptual pelajar melalui latihan mengajar dengan kursus pengajian, hipotesis nol (H_{03}) telah dibentuk. Analisa statistik menunjukkan nilai korelasi ialah -0.0249 yang menunjukkan bahawa hubungan antara pembentuk kemahiran konseptual pelajar melalui latihan mengajar adalah sangat lemah. Sementara itu, $p=0.5259 > \alpha=0.05$. Ini menunjukkan hipotesis nol (H_{03}) gagal ditolak dan mendapati bahawa tidak ada hubungan yang signifikan antara pembentuk kemahiran konseptual pelajar melalui latihan mengajar dengan kursus pengajian. Kajian yang dijalankan oleh Cheang (2011) menunjukkan kepimpinan guru mampu mengimbangkan kemahiran untuk mempengaruhi orang lain dan dapat membentuk pelan tindakan yang sesuai dengan menggunakan kemahiran-kemahiran kepimpinan lain yang dipelajari dalam menambah baik prestasi pelajar. Kajian ini sekali gus telah memperlihatkan bahawa kepentingan kemahiran konseptual yang perlu dibentuk sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran. Yukl (2006) mendefinisikan kemahiran konseptual sebagai kemampuan dalam pembentukan konsep tentang hubungan yang kabur dan kompleks, kreativiti dalam menjana idea dan penyelesaian masalah, kemahiran untuk menganalisa peristiwa dan menjangka perubahan serta menyedari peluang dan masalah yang berlaku.

Keputusan analisis inferensi digunakan untuk menilai hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang diterjemah dalam bentuk nombor. Secara keseluruhannya, ujian korelasi yang dijalankan menerima hipotesis nol (H_{01} - H_{03}) dan tiada hipotesis nol yang ditolak. Purata nilai korelasi bagi keseluruhan pembentuk elemen kemahiran kepimpinan pelajar melalui latihan mengajar dengan kursus kepimpinan ialah -0.1180 yang menunjukkan hubungan yang sangat lemah. Manakala purata keseluruhan, $p=0.3548 > \alpha=0.05$ dan menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara keseluruhan pembentuk elemen kemahiran kepimpinan pelajar melalui latihan mengajar dengan kursus pengajian. Hipotesis nol (H_{04}) gagal ditolak.

Bagi melihat perbezaan terhadap pembentuk kemahiran teknikal pelajar melalui latihan mengajar yang dilaksanakan di sekolah bandar dan di sekolah luar bandar, hipotesis nol (H_{05}) telah dibentuk. Analisa statistik menunjukkan keputusan ujian- t bagi pembentuk kemahiran teknikal ialah $p=0.5763 > \alpha=0.05$. Maka, hipotesis nol (H_{05}) gagal ditolak dan mendapati tidak ada perbezaan yang signifikan terhadap pembentuk kemahiran teknikal pelajar melalui latihan mengajar yang dilaksanakan di sekolah bandar dan di sekolah luar bandar. Abdul Rahim et. al. (1992) menyatakan latihan mengajar secara khusus bertujuan untuk membolehkan para guru pelatih mengaplikasikan teori dan prinsip pengajaran dalam situasi bilik darjah, mengembangkan kecekapan, merancang dan menjalankan kegiatan bilik darjah, mencuba pelbagai pendekatan dan teknik penyampaian pengajaran serta mewujudkan hubungan dengan pelajar dalam memahami proses pembelajaran mereka.

Sementara itu, bagi melihat perbezaan terhadap pembentuk kemahiran interpersonal pelajar melalui latihan mengajar yang dilaksanakan di sekolah bandar dan sekolah luar bandar, hipotesis nol (H_{06}) dibentuk. Hasil keputusan ujian -t menunjukkan nilai $p=0.5223 > \alpha=0.05$. Hipotesis nol (H_{06}) gagal ditolak dan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pembentuk kemahiran interpersonal pelajar melalui latihan mengajar yang dilaksanakan di sekolah bandar dan di sekolah luar bandar. Menurut Abdul Hamid (1979), kejayaan yang dikecapi semasa latihan mengajar adalah bergantung kepada hubungan yang harmonis dan kesefahaman antara guru pelatih, pihak pentadbiran sekolah dan guru penyelia. Komunikasi dan hubungan antara manusia merupakan perkara yang penting dalam kepimpinan bagi mencapai matlamat organisasi. Oleh yang demikian, kemahiran interpersonal yang baik penting bagi guru pelatih bagi mengelakkan konflik dalam hubungan antara manusia.

Bagi melihat perbezaan terhadap pembentuk kemahiran konseptual pelajar melalui latihan mengajar yang dilaksanakan di sekolah bandar dan di sekolah luar bandar, hipotesis nol (H_{07}) dibentuk. Analisa statistik menunjukkan nilai ujian- t ialah $p=0.4333 > \alpha=0.05$. Hipotesis nol (H_{07})

gagal ditolak dan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pembentukan kemahiran konseptual pelajar melalui latihan mengajar yang dilaksanakan di sekolah bandar dan sekolah luar bandar. Kamaruddin (1986) menyatakan matlamat latihan mengajar adalah untuk menghasilkan guru yang unggul iaitu berbudi pekerti mulia, mempunyai pandangan hidup yang luas, progresif dan saintifik. Manakala Abdul Rahim et al. (1992) menambah bahawa latihan mengajar mampu mengembangkan dan mengasah kemahiran bagi memajukan pembelajaran pelajar, memupuk keyakinan diri serta mentafsir kesesuaian diri sendiri dalam bidang keguruan.

Secara keseluruhannya, ujian- t yang dijalankan menerima hipotesis nol ($H_{05}-H_{07}$) yang telah dijangkakan dalam Bab 1 dan tiada hipotesis nol yang ditolak. Purata nilai bagi keseluruhan elemen kemahiran kepimpinan pelajar melalui latihan mengajar yang dilaksanakan di sekolah dan di sekolah luar bandar ialah $p=0.5106 > \alpha=0.05$ dan menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan terhadap perbezaan pembentukan keseluruhan elemen kemahiran kepimpinan pelajar melalui latihan mengajar yang dilaksanakan di sekolah dan di sekolah luar bandar. Hipotesis nol (H_{08}) gagal ditolak. Menurut Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010), pembangunan pendidikan di Malaysia pada peringkat awal tertumpu kepada sekolah di kawasan bandar atas faktor ekonomi. Manakala, sekolah di luar bandar amat terhad dengan kekurangan infrastruktur dan sumber pendidikan. Hasil dari kajian ini memperlihatkan bahawa perbezaan terhadap kemudahan infrastruktur dan pembangunan pendidikan yang kepada sekolah- sekolah di kawasan berkenaan tidak memberi pengaruh yang signifikan terhadap pembentukan kepimpinan guru pelatih sepanjang sesi latihan mengajar

Kesimpulan

Pembentukan kemahiran kepimpinan pelajar melalui latihan mengajar adalah penting dalam menghasilkan seorang bakal guru yang berkualiti dan mampu mendidik pelajar untuk menjadi insan yang berguna dan menyumbang kepada negara seiring dengan keperluan dan kemajuan negara. Guru yang boleh memimpin akan lebih dihormati dan disegani dengan kemampuan dan kemahiran yang tinggi dari pelbagai sudut. Hal ini akan mempengaruhi pelajar untuk lebih aktif dan kreatif sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran. Kepimpinan seseorang guru tidak hanya tertumpu dari segi perwatakan semata- mata, malah turut mengambil kira cara berfikir, kemahiran pengajaran, komunikasi dan lain-lain kerana kepimpinan merupakan proses yang melibatkan lebih dari satu pihak lain untuk cerminan bagi menilai kualiti seorang guru yang dilahirkan di peringkat pengajian tinggi. Kesimpulannya, kajian ini memberikan gambaran kepada penyelidik bahawa guru pelatih mampu menjadi seorang guru yang berkualiti dengan terus menambak tahap kepimpinan dari semasa ke semasa mengikut situasi dan mencapai standard guru yang diinginkan oleh Kementerian Pendidikan.

Rujukan

- Abu Bakar Hj. Yeop (2004). *Panduan Kerjaya Guru Bestari*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar.
- Abu Zahari Abu Bakar, Aziz Nordin, Baharudin Aris dan Nadzari Shaari (1988). *Kesan Pengajaran Guru-guru Pelatih Universiti Teknologi Malaysia Semasa Menjalani Latihan Praktik Mengajar di Sekolah-sekolah Menengah di Semenanjung Malaysia*. Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Esa dan Mohamad Zaid Mustafa (2010). *Kemahiran Insaniah: Kajian di Intituti- institusi*. Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHM.
- Aziz Nordin, Mohd Yusof Arshad, Baharudin Aris, Abu Zahari Abu Bakar, Nadzari Shaari (1988). *Penilaian Murid Sekolah Menengah Terhadap Pengajaran Guru Pelatih UTM: Satu Cabaran*. Universiti Teknologi Malaysia. Bengkel Latihan Mengajar antara Universiti Ke-5, Universiti Pertanian Malaysia.
- Cheang, L. K. (2011). *Kepimpinan Guru Di Sebuah Sekolah Menengah Kerajaan Di Papar: Kes SMK Majakir*. Sabah.
- Frost, D. (2003). *The Contribution of Teacher Leadership to "Leadership for Learning"*. The Symposium of Leadership of Learning: The Cambridge Network. September 2003. Edinburgh.

- Harrison, C. and Killion, J. (2007). *Ten Roles of Teacher Leaders*. Educational Leadership Journal.
- Kamarudin Hj. Kachar (1989a). *Perkembangan Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Kamarudin Hj. Kachar (1989b). *Siri Pengurusan Pendidikan: Kepimpinan Profesional Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Kamaruddin Hj. Husin (1986). *Panduan Latihan Mengajar*. Selangor D.E.: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia & Kementerian Pelajaran Malaysia. (2005). *Penilaian Latihan Mengajar Dalam Program Pendidikan Guru Di Malaysia*. Pulau Pinang: Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru (JPPG) Malaysia, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Leblanc, P. R. and Shelton, M. M. (2012). *Teacher Leadership: The Needs of Teachers*. Action in Teacher Education. Available: <http://www.tandonline.com/loi/uate20>
- Mohd. Zolkifli Abd. Hamid dan Lokman Mohd. Tahir (2007). *Penyelidikan Pengajaran Dari Persepektif Kepimpinan Situasi*. Sumber: repo.uum.edu.my/1659/1/PENYELIAAN_PENGAJARAN_DALAM..
- Noraishah Tarni (2013). *Tahap Peningkatan Kemahiran Insaniah Melalui Khidmat Komuniti Pelajar Kokurikulum UTM*. Tesis (Sarjana Pendidikan (Teknikal dan Vokasional)). Universiti Teknologi Malaysia. Johor.
- Norashikin Abu Bakar, Ramli Basri dan Nurnazahiah Abas (2013). *Kepimpinan Pengajaran Pengetahuan Kepimpinan Guru*. Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Putra Malaysia.
- Pardey, D. (2007). *Introducing Leadership*. Oxford: Elsevier Ltd.
- Pellicer, L. and Anderson, L. (1995). *A Handbook for Teacher Leaders*. Newbury, CA: Corwin Press.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2001). *Kepimpinan dan Pengurusan Kurikulum di Sekolah*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Rohaza Che Rose (2010). *Masalah Latihan Mengajar Dalam Kalangan Guru Pelatih Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor*. Tesis Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran). Universiti Teknologi Malaysia. Johor.
- Snell, J. and Swanson, J. (2000). *The Essential Knowledge and Skills of Teacher Leaders: A Search for a Conceptual Framework*. Annual Meeting of the American Education Research Association. New Orleans.
- Yukl, G. (2006). *Leadership in Organization*. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Zakaria Kasa, Soaib Asimirin, Abdul Rasid Jamian, & Yahya Othman (2001). *Persepsi Pelatih Terhadap Latihan Mengajar*. Suara Pendidik.